

KENYATAAN MEDIA

MENTERI KANAN KERJA RAYA MENINJAU KEMAJUAN KERJA DUA PROJEK DI PAPAR, SABAH

PAPAR, SABAH - Menteri Kanan Kerja Raya Malaysia, YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof telah turun padang meninjau kemajuan kerja dua tapak projek di Papar, Sabah. Tapak projek pertama adalah Projek Menaiktaraf Jalan daripada Donggongon ke Simpang Jalan Papar Spur (Pakej 2 dan 3), Sabah yang merupakan projek menaik taraf jalan daripada satu lorong satu hala kepada jalan dua lorong dua hala sepanjang 16 kilometer. Skop lain bagi projek ini ialah kerja pembinaan jambatan, kerja pemulihan sungai, dan kerja perparitan dan saliran. Kos binaan bagi projek ini adalah sebanyak RM313 juta. Projek ini dijangka siap pada penghujung bulan Januari 2022 dengan status kemajuan fizikal terkini adalah 91.65%.

Tapak pembinaan kedua adalah Projek Akademi Binaan Malaysia (ABM) Sabah di Papar. Projek ini merupakan projek milik Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dengan kos sebanyak RM80 juta. Pembinaan akademi ini bertujuan memenuhi salah satu fungsi CIDB sebagai pusat yang menyediakan dan memberikan peluang-peluang latihan kemahiran dalam bidang pembinaan untuk belia-belie dan personel binaan di Negeri Sabah. Kerja-kerja tanah untuk tapak akademi yang bertempat di Kampung Beringgis, Papar ini telah siap pada 28 Februari 2019.

Pada masa kini, terdapat satu ABM yang beroperasi di Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP). ABM KKIP telah ditubuhkan pada 5 Mac 2001 dan sehingga tahun 2020, seramai 18,522 orang belia dan 87,152 orang personnel binaan telah dilatih dan dinilai kemahiran mereka dalam bidang kompetensi pembinaan. Dengan adanya kampus baharu ABM Sabah di Papar adalah dijangka ABM Sabah mempunyai kapasiti untuk melatih dan menilai kemahiran 10,000 orang belia dan personel binaan setahun. Pemindahan lokasi ABM Wilayah Sabah daripada KKIP ke Kampung Beringgis, Papar ini bakal menyediakan peluang latihan dengan pilihan tred yang lebih banyak dengan memfokuskan kepada teknologi pembinaan terkini seperti *Building Information Modeling* (BIM) dan *Industrialised Building System* (IBS). Pembinaan ABM Papar yang berkonsepkan kampus hijau juga menyediakan ruang latihan yang lebih kondusif dan selesa dengan infrastruktur yang lebih moden.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
10 SEPTEMBER 2020

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L : 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  [Kementerian Kerja Raya](https://www.facebook.com/KementerianKerjaRaya) |  [@MOWorks](https://twitter.com/MOWorks) |  Pro@kk.gov.my